

06/08/2003

Angkasawan pertama kita pada 2005

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Angkasawan pertama Malaysia akan dihantar mengikuti misi dan penyelidikan bersama angkasawan Russia di angkasa lepas pada 2005.

Hasrat melancarkan program angkasa lepas itu dicapai hasil perjanjian yang dipersetujui Malaysia dengan Russia berikutan pembelian 18 jet pejuang Sukhoi (SU-30) MKN dari negara itu bernilai AS\$900 juta (RM3.42 bilion).

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak berkata, program timbal balik perjanjian pembelian pesawat itu juga membabitkan pemindahan teknologi bernilai 30 peratus atau RM1.06 billion daripada keseluruhan kos pembelian pesawat.

"Perjanjian timbal balik itu adalah yang pertama dan terbesar bagi Malaysia dan mendorong lebih ramai rakyat negara ini memberi perhatian kepada penerokaan angkasa lepas, teknologi aeroangkasa dan sebagainya," katanya kepada pemberita di Jabatan Perdana Menteri sebelum menyertai mesyuarat delegasi Malaysia dan Russia sempena lawatan negara Presiden Russia Vladimir Putin, ke sini semalam.

Malaysia menandatangani perjanjian pembelian pesawat pelbagai guna SU-30 MKM itu semalam. Kementerian Pertahanan diwakili Ketua Setiausaha Tan Sri Hashim Meon dan Timbalan Ketua Setiausaha Datuk Subhan Jasmon, manakala Russia diwakili Timbalan Ketua Pengarah Pertama Rosboronexport, Sergey V Chemezov dan Timbalan Ketua Pengarah, Victor M Komardin.

Majlis menandatangani perjanjian disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Putin.

Najib berkata, pembelian pesawat berkenaan tidak akan membebankan negara kerana ia dilanjutkan sehingga akhir 2009.

"Sebahagian besar daripada bayaran akan dijelaskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan," katanya.

Selain pembayaran tunai, Russia bersetuju membeli minyak sawit bernilai AS\$270 juta (RM1.02 bilion) dari Malaysia.

Beliau berkata enam daripada pesawat itu akan diserahkan kepada pada Jun 2006, enam lagi pada akhir tahun yang sama, manakala selebihnya dihantar pada 2007.

Najib berkata, pesawat berkenaan dilengkapi peralatan mengikut spesifikasi yang ditetapkan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Katanya pesawat berprestasi tinggi itu memiliki keistimewaan daripada segi sistem penerbangan, ketangkasan, kelajuan dan persenjataan yang canggih.

"Ciri-ciri ini akan menjadikannya pesawat terbaik di rantau ini dan antara yang terbaik di dunia," katanya.

Najib berkata, Malaysia juga menyatakan minat untuk mewujudkan pusat penyelenggaraan pesawat pejuang keluaran Russia supaya negara rantau ini yang menggunakan pesawat negara itu dapat menghantarnya ke sini untuk pembaikan.

"Kita juga meminta Russia menyatakan komponen yang boleh dibekalkan oleh Malaysia dan ia sedang diteliti," katanya.

Beliau juga berkata, simulator latihan pesawat SU-30 MKN juga akan dibangunkan dengan kerjasama sebuah syarikat tempatan bagi memudahkan latihan.

Najib berkata, juruterbang Malaysia mungkin dibenarkan mengikuti latihan asas di Russia dan India.

Ditanya sama ada pembelian pesawat SU-30 MKN bermakna Malaysia

membatalkan hasrat membeli pesawat pejuang Super Hornet buatan Amerika Syarikat, Najib berkata: "Perkara itu masih dalam kajian. Kita belum membuat keputusan akhir. Kita sedang mengkaji aspek teknikal dan kewangan."